

Prestasi akademik catat peningkatan

15.11.06/04/06 MS 12

"KONVOKESYEN MSU kali ke-4 ini adalah pencapaian yang membe-rangsangkan bagi sebuah universiti yang pesat berkembang dalam menyumbang kepada proses pembangunan pendidikan tinggi Negara," kata Presiden dan Naib Cancellor MSU, Prof Dato' Mohd Shukri Ab Yajid.

Beliau berkata, majlis konvokesyen kali ini juga mencatat sejarah dengan melahirkan tiga graduan sulung di peringkat pasca siswazah iaitu bagi program Sarjana Pengurusan, program Bioperubatan dan seorang PhD dalam bidang pengurusan.

"Pada masa sama, kita melahirkan graduan sulung dalam bidang Bachelor Bioinformatik, Diploma Kejuruteraan Komputer, Diploma E-Dagang, Diploma Pengurusan Pelaburan dan Diploma Pendidikan (TESL).

"Prestasi dan pencapaian akademik juga meningkat dan dapat dilihat lima peratus daripada graduan mendapat CGPA 3.70 hingga 4.00, 19 peratus graduan mendapat CGPA 3.30 hingga 3.69 dan 63 peratus graduan mendapat CGPA 2.50 hingga 3.30 dan 12 peratus graduan mendapat CGPA kurang daripada 2.50," katanya sambil menyifatkan ini adalah pencapaian yang baik berbanding tahun sebelumnya.

Mohd Shukri berkata, bilangan

Anugerah Industri pada tahun ini juga meningkat berbanding tahun sebelumnya dan peningkatan ini menunjukkan bahawa sektor industri yakin terhadap kualiti program akademik dan kualiti graduan MSU.


"Penaikkan taraf KUTPM kepada MSU sebenarnya adalah untuk memperkukuhkan dan melahirkan lebih ramai graduan pada masa depan.

"Graduan berketrampilan yang berdaya saing bukan saja dihasilkan oleh MSU, fokus ini kita lakukan dengan menawarkan kursus dan program yang berkualiti," katanya.

Beliau berkata, MSU membangunkan lebih daripada 50 program *home-grown* yang kita lakukan sendiri dan diiktiraf kelulusan dan juga akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

"Kualitinya setanding dengan IPT yang lain sama ada dalam negara mahupun luar negara. Ini dapat kita banggakan kerana pengiktirafan daripada badan profesional dan juga kelayakan pengiktirafan yang diberikan rakan universiti di luar Negara melalui 40 rakan ISEP (International Student Exchange Programme)," katanya.

Mohd Shukri berkata, MSU juga berjaya diperluaskan ke peringkat



GAMBAR KENANGAN: Presiden dan Naib Cancellor, Prof Dato' Mohd Shukri bersama graduan Konvokesyen Ke-4 MSU.

antarabangsa dengan pembukaan kampus luar Negara dengan penubuhan International Medical School (IMS) di Bangalore, India.

Sejak konvokesyen pertama, beliau berkata, lebih 95 peratus graduan MSU mendapat pekerjaan dalam pelbagai organisasi, malah Anugerah Khas juga diberikan kepada usahawan muda yang berjaya pada peringkat nasional dan antarabangsa.

"Penerimaan pekerjaan terhadap graduan MSU juga menunjukkan bahawa lulusan MSU diyakini kualitinya dan terus menjadi pilihan.

"MSU memperteguhkan pengisian yang diwarisi sebagai komponen dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini ialah perkara yang kita tekankan sehingga berjaya dinaik taraf kepada universiti penuh," katanya.

Beliau berkata, MSU akan terus

meningkatkan komitmennya dalam memperkasakan kecemerlangan universiti pada masa depan.

"Sejajar dengan ini, pembangunan kampus baru sudah dimulakan dengan membabitkan kos RM250 juta. Kampus itu yang menggabungkan ciri-ciri istimewa seperti *eco-friendly* dan penggunaan sistem pintar (smart system) yang dapat merancang sistem pembelajaran dan pengajaran yang kondusif," katanya.